



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 3 (70)

Tarikh : 10 Oktober 2020

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**KEBENARAN PULANG BAGI MURID DI ASRAMA SEKOLAH DAN KOLEJ
VOKASIONAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DALAM KAWASAN
ZON MERAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan kenyataan media Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhubung penutupan sekolah di seluruh negeri Sabah serta penutupan sekolah yang mempunyai kes positif COVID-19 di seluruh negara bertarikh 9 Oktober 2020 adalah berkaitan.

2. KPM sentiasa memberi keutamaan dalam aspek keselamatan murid dan berpandangan adalah wajar bagi murid kekal tinggal di asrama sekolah atau kolej vokasional yang berada dalam kawasan zon merah. Walau bagaimanapun, KPM dimaklumkan terdapat permintaan daripada pihak ibu bapa serta waris supaya murid-murid yang tinggal di asrama sekolah atau kolej vokasional juga dibenarkan pulang ke rumah masing-masing kerana khuatir akan keselamatan dan kesihatan anak mereka yang berada di zon merah. KPM telah membuat pertimbangan ke atas perkara tersebut dan mengambil ketetapan untuk memberi **kebenaran kepada semua murid di sekolah asrama dan kolej vokasional KPM pulang ke rumah sepanjang tempoh penutupan tersebut dengan pematuhan ketat kepada tatacara yang ditetapkan.**

3. Sehubungan dengan itu, ibu bapa serta waris dibenarkan untuk datang menjemput atau menguruskan perjalanan pulang anak/anak jagaan mereka yang berada di asrama sekolah atau di kolej vokasional KPM tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu. Walau bagaimanapun, murid yang menunggu untuk diambil ibu bapa atau murid yang ingin terus kekal berada di asrama sekolah dan di kolej vokasional sepanjang tempoh penutupan sekolah akan berada

...2/-

bawah penjagaan warden asrama. Makan dan minum murid sepanjang tempoh tersebut akan disediakan.

4. Murid-murid perlu kembali ke asrama sehari sebelum sekolah diumumkan dibuka semula atau bergantung kepada arahan dari semasa ke semasa yang akan dikeluarkan oleh KPM.

5. YBhg. Datuk/Tuan/Puan perlu mengambil tindakan sewajarnya berhubung perkara ini serta dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada semua pegawai di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah kawalan pihak YBhg. Datuk/tuan/puan.

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJI ADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia